

KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN

8 SEPTEMBER 2025 M/15 RABIULAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا
لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanu wa Ta'ala dengan mematuhi segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Taala di dunia dan akhirat.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama bertakbir dan bertahmid kepada Allah Taala, Tuhan yang menggerakkan bumi, bulan dan matahari, dan mentakdirkan berlakunya gerhana bulan penuh di negeri kita pada detik ini.

Sesungguhnya fenomena gerhana ini merupakan tanda kekuasaan Allah. Betapa telitinya aturan falak Ilahi hingga memungkinkan fenomena yang menakjubkan ini berlaku bagi meluruskan akidah umat Islam dalam mengenal Tuhan Yang Maha Pencipta. Melalui gerhana bulan, kita bertambah yakin betapa Allah yang menentukan aturan manazil bulan. Firman Allah *Subhanahu wa Taala* dalam Surah Yasin ayat ke-39 dan 40:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ لَا الشَّمْسُ
يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ
يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: *Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.*

Muslimin yang dirahmati Allah Taala,

Gerhana pernah berlaku semasa zaman Nabi Muhammad *Sallallahu Alaihi wa Sallam*. Antaranya ialah gerhana matahari, yang berlaku ketika baginda sedang bersedih ke atas kewafatan puteranya tercinta, Ibrahim bin Muhammad. Dirwayatkan, ada yang mendakwa kononnya kematian itu disebabkan oleh gerhana matahari yang berlaku. Lalu Baginda *Sallallahu Alaihi wa Sallam* menjelaskan, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ، لَا يَنْخَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ
وَلَا حَيَاتِهِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا، وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Yang bermaksud: *Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah. Kedua-duanya tidak gerhana dengan sebab kematian atau kelahiran seseorang. Sekiranya kamu melihat gerhana, maka berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, solat dan bersedekah.*

Hadirin yang dimuliakan,

Sesungguhnya fenomena astronomi seperti gerhana bulan ini, akan lebih mendidik jiwa kita supaya mengenal Tuhan yang mentadbir alam. Bagaimana Allah Taala berkuasa untuk menukar kenampakan bulan mengambang, tiba-tiba kelihatan seperti bulan sabit dan akhirnya bertukar gelap akibat ditutupi bayang-bayang bumi. Adakah wujud kuasa lain yang mampu menukar aturan ini?

Dengan sebab itu, elakkanlah diri kita daripada mengaitkan fenomena gerhana ini dengan nasib, untung dan rugi dalam kehidupan. Sebaliknya,

renunglah betapa berkuasanya Allah, Tuhan sekalian alam. Firman Allah Taala dalam al-Isra' ayat 59:

... وَمَا نُرْسِلُ بِالْآيَاتِ إِلَّا تَخْوِيفًا

Yang bermaksud: ... dan biasanya Kami tidak menghantar turun tanda-tanda (kebesaran Allah dan Mukjizat) itu melainkan untuk menjadi amaran (bagi kebinasaan orang-orang yang memintanya kalau mereka tidak beriman).

Sidang hadirin yang berbahagia,

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam mengajak para Sahabat untuk mendirikan solat sunat Khusuf sepanjang berlakunya gerhana. Diriwayatkan juga bahawa Baginda telah diperlihatkan dalam solat itu, akan nikmat kehidupan di syurga dan pedihnya azab api neraka. Dengan sebab itu, Nabi berpesan dalam khutbah gerhana, seperti yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari:

وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

Yang bermaksud: Demi Allah, kalau kamu tahu apa yang aku tahu (daripada azab api neraka), nescaya sesungguhnya kamu akan sedikit sahaja tertawa, dan akan banyak menangis.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Maka bersempena dengan terzahirnya salah satu tanda kehebatan Allah Taala menerusi gerhana bulan sekarang, mari kita bersama-sama

memperbanyak amal ibadah, bertakbir, berdoa dan bersedekah, seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Bertafakurlah sejenak dan tadaburlah ayat-ayat kebesaran Allah ini, agar subur jiwa kita dengan tunjang akidah yang tulen, jauh daripada kepercayaan karut marut khasnya terhadap kuasa lain selain Allah Taala.

Mengakhiri khutbah gerhana ini, marilah kita bersama-sama mengambil hikmah pengajaran, antaranya:

1. Umat Islam perlu meningkatkan keyakinan kepada Allah Taala sebagai Tuhan yang menjadikan alam, dan mentadbirnya dengan penuh ketelitian.
2. Gerhana bulan tiada kaitan dengan untung nasib baik atau buruk seseorang. Tetapi ia merupakan salah satu tanda kebesaran Allah Taala.
3. Bulan dan matahari merupakan ciptaan Allah bagi sebagai manfaat kepada manusia, khasnya dalam ilmu falak, sistem kalendar, matematik dan sains moden. Maka umat Islam perlu bersungguh-sungguh mempelajari ilmu ini agar tidak ketinggalan di belakang.
4. Kejadian gerhana bulan juga dijadikan sebagai ujian ketepatan hitungan falak menggunakan data moden, yang turut digunakan untuk penentuan waktu solat, data rukyah hilal dan lain-lain.
5. Bentuk lengkungan bayang-bayang bumi yang jatuh pada permukaan bulan, juga menjadi bukti bahawa bumi ini berbentuk sfera.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَسَحَّرَ لَكُمْ الَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ^ط وَالنُّجُومَ مُسَحَّرَاتٍ
بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ